

Wilayah Persekutuan tubuh Jabatan Perhutanan

➔ Agensi khusus jaga alam sekitar di KL, Putrajaya, Labuan

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) akan menubuhkan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan bagi menyelaras urusan tabir hutan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata cadangan penubuhan dan perundangannya sudah disiapkan dan akan dibentangkan ke Kabinet sebelum April ini.

"Kementerian Wilayah Persekutuan juga memberikan sokongan supaya diadakan satu jabatan khusus yang dapat menjaga alam sekitar dan hutan di Kuala Lumpur,

Putrajaya dan Labuan.

"Jabatan ini perlu ditubuhkan kerana hutan di Wilayah Persekutuan tidak ditadbir urus secara khusus kerana tidak ada ketua yang menjaganya.

Tuding jari

"Apabila berlaku isu seperti kes Hutan Bukit Kiara, masing-masing menuding jari antara satu sama lain kerana tak ada jabatan yang mentadbirnya dan seolah-olah hutan di Wilayah Persekutuan tidak bertujuan," katanya pada sidang media selepas perhimpunan bulanan kementerian di Menara Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, jumlah hutan di di Kuala Lumpur sahaja adalah seluas 67.2 hektar.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, sebuah makmal se-



Wan Junaidi meninjau Titian Silira Taman Eko Rimba Kuala Lumpur selepas merasmikan Perhimpunan NRE di Menara Kuala Lumpur, semalam.

henti ditubuhkan yang menggabungkan beberapa jabatan di bawah kementerian itu bagi menjalankan ujian forensik dan penyelidikan membabitkan kes alam sekitar.

"Makmal ini menggabungkan Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) serta Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

"Penubuhan makmal ini membolehkan keputusan ujian tanpa perlu menunggu jawapan pelbagai agensi berkaitan yang mengambil masa empat bulan," katanya.

Terdahulu, Wan Junaidi melancarkan aplikasi Mobile App Taman Eko Rimba Semenanjung Malaysia dan merasmikan Titian Silira Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL).



Laporan akhbar BH
30 April tahun lalu.